

MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT
MINIT MESYUARAT MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT
BILANGAN 10 TAHUN 2018

TARIKH : 22 NOVEMBER 2018 (KHAMIS)
MASA : 9.00 PAGI
TEMPAT : BILIK CEMPAKA

HADIR

- | | | | |
|-----|--|---|-------------|
| 1. | Tuan Mohamad Zain bin A Hamid, <i>S.I.S., P.P.T.</i>
Yang Dipertua | - | Pengerusi |
| 2. | Y.D.M. Tengku Dato' Mohamed Alhaj bin
Tengku Harun, <i>D.S.I.S., A.M.S., P.I.K.</i>
Tengku Penggawa Muda Paduka Maha Bijaya
Orang Besar Daerah Kuala Langat | - | Ahli Majlis |
| 3. | Encik Wong Kim Loon | - | Ahli Majlis |
| 4. | Encik Rosdi bin Meor Endut | - | Ahli Majlis |
| 5. | Encik Mat Irwan bin Ismail | - | Ahli Majlis |
| 6. | Encik Hamzah bin Abu Bakar | - | Ahli Majlis |
| 7. | Cik Ang Lee Yong | - | Ahli Majlis |
| 8. | Encik Ang Eu Liang | - | Ahli Majlis |
| 9. | Encik Nadasan a/l Subramani | - | Ahli Majlis |
| 10. | Encik Haridass a/l Ramasamy | - | Ahli Majlis |
| 11. | Encik Gan Yee Chin | - | Ahli Majlis |
| 12. | Encik Lim Tou Yih | - | Ahli Majlis |
| 13. | Encik Mohd Afiq bin Mohd Tuniman | - | Ahli Majlis |
| 14. | Encik Munusamy a/l Erishin | - | Ahli Majlis |
| 15. | Encik Razali bin Ahmad | - | Ahli Majlis |
| 16. | Puan Nor Aishah binti Abdul Majid | - | Ahli Majlis |
| 17. | Encik Sethupathy a/l Subramaniam | - | Ahli Majlis |
| 18. | Encik Baharudin bin Misran | - | Ahli Majlis |
| 19. | Puan Rahimah binti Harun | - | Ahli Majlis |
| 20. | Puan P. Umananthini a/p Gnanapragasam | - | Ahli Majlis |
| 21. | Encik Low Kok Hua | - | Ahli Majlis |
| 22. | Puan Norhaninawati binti Mohd Yusof | - | Ahli Majlis |
| 23. | Puan Siti Nor Eaini binti Nasuka | - | Ahli Majlis |

SULIT

24. Encik Yunis Khalis bin Abdul Manap - Ahli Majlis
25. Encik Mohd Yasin bin Alwi, A.I.S - Setiausaha

TURUT HADIR

1. Encik Miskon bin Haji Karim, PPT - Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Encik Kamarulzaman bin Ahmad, PPT - Pengarah Jabatan Perbendaharaan
3. Encik Zulkefli bin Mohamed Arif, PPT - Pengarah Jabatan Kejuruteraan
4. Tuan Haji Arpaali bin Haji Sanat, PPT, PKT - Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan
5. Tuan Haji Zailani bin Hashim, PPT, PKT - Pengarah Jabatan Kawalan Bangunan
6. Encik Hishamuddin bin Ismail, PPT - Pengarah Jabatan Pelesenan
7. Puan Lisawati binti Abd. Karim - Pengarah Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
8. Puan Norain binti Mohamed - Pengarah Jabatan Pembangunan Masyarakat
9. Tuan Haji Mazlan bin Abdul Manap - Pengarah Jabatan Landskap
10. Encik Syamsol Herwan bin Ahmad - Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan Persekitaran
11. Tuan Haji Fauzi bin Din, PJK - Ketua Unit Perundangan
12. Encik Mohd Halid bin Roslei - Ketua Perunding Kawalan Pemajuan, Unit Pusat Setempat
13. Cik Mohaneswary a/p Batumalai@ Subaramaniam - Ketua Unit Audit Dalam
14. Encik Mohammad Kamal bin Mohd Ramlan - Ketua Unit Korporat dan Perhubungan Awam
15. Encik Mohd Firdaus bin Zainal Abidin - Ketua Bahagian Teknologi Maklumat
16. Tuan Haji Ngadni bin Mohamad, PJK - Ketua Unit Pesuruhjaya Bangunan
17. Encik Muhammad Asyraf bin Mohammad Jasni - Ketua Unit Perolehan dan Ukur Bahan

SULIT

DIJEMPUT HADIR

1. Y.B. Tuan Lau Weng San - Pemerhati
(Ahli Dewan Negeri Selangor Kawasan Banting)
2. Ar. Tuan Haji Ehwan bin Saring - Arkitek Ehwan Sdn. Bhd.

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

1. Encik Teh Eng Teck - Ahli Majlis

URUSS ETIA (JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN)

1. Puan Nurfadhilah binti Jalaludin - Pegawai Tadbir
2. Puan Rosmawati binti Othman - Pembantu Setiausaha Pejabat
3. Puan Nur Hazlynda binti Sahimi - Pembantu Setiausaha Pejabat
4. Encik Noor Ridhuan bin Abdul Jalil - Pembantu Operasi
5. Encik Mohd Sahlan bin Tukiran - Pembantu Operasi

PERKARA	TAJUK PERKARA	TINDAKAN
1.0	<u>BACAAN DOA</u>	
	Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa yang dipimpin oleh Tuan Haji Fauzi bin Din, Ketua Unit Perundangan.	Makluman
2.0	<u>UCAPAN TUAN Pengerusi</u>	
	Tuan Pengerusi memberi salam dan mengalu-alukan kehadiran semua ahli mesyuarat pada hari ini. Dalam ucapannya, beliau memaklumkan beberapa perkara seperti berikut :	
2.1	MDKL sedang melakukan proses pembaharuan lesen perniagaan tahun 2019 mulai bulan November hingga Disember 2018 ini. Sebelum kelulusan pembaharuan lesen, pemohon akan membuat semakan melalui Sistem I-Sekat untuk tunggakan cukai taksir dan kompaun sekiranya ada.	Makluman
2.2	Selain itu, pihak Majlis sedang giat melakukan operasi waran sitaan ke atas kediaman dan premis perniagaan yang mempunyai tunggakan cukai taksiran yang tinggi. Ini merupakan aktiviti rutin yang dibuat pada setiap tahun. Pemilik kediaman dan premis perniagaan telah memberikan kerjasama yang baik dengan menjelaskan tunggakan tersebut. Pihak Majlis menyediakan pelbagai kemudahan pembayaran kepada mereka seperti pembayaran secara atas talian dan kemudahan kaunter bergerak di lokasi-lokasi yang telah dijadualkan.	Makluman
2.3	MDKL telah menerima banyak anugerah pada bulan November ini dan ia merupakan satu pencapaian yang membanggakan seluruh warga kerja MDKL. Antara anugerah tersebut adalah : 1. Anugerah Pihak Berkuasa Tempatan Prihatin (Majlis Daerah) sempena Hari Orang Kurang Upaya Kebangsaan 2018. 2. Pengiktirafan Persekitaran Mampan Kategori Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor sempena Sambutan Hari Perancang Bandar Sedunia Peringkat Negeri Selangor 2018 di Setia City Convention Centre, Shah Alam.	Makluman

		<p>3. Anugerah Bandar Mampan (Tempat Pertama Kategori Majlis Daerah) dan Anugerah Inisiatif Kejiranan Hijau (Kategori Majlis Daerah) Sistem Pengumpulan Air Hujan (SPAH) sempena Majlis Perasmian Sambutan Hari Perancang Bandar Sedunia 2018 di Medan Bandar Alor Setar, Kedah.</p> <p>4. Anugerah Penarafan 5 Bintang Standard Kualiti Perkhidmatan Psikologi Tahun 2018 di Shah Alam Convention Centre.</p>	
	2.4	<p>Program Morib Fun Run akan diadakan pada 16 Disember 2018 dan sehingga kini jumlah penyertaan adalah 1,200 orang. Pihak Majlis menjangkakan seramai 2,000 orang akan menyertai program ini.</p>	Makluman
3.0	<p>TAKLIMAT LAPORAN KEMAJUAN PROJEK PEMBINAAN BANGUNAN PEJABAT BAHARU MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT OLEH ARKITEK EHWAN SDN. BHD.</p>		
	3.1	<p>Taklimat telah disampaikan oleh Ar. Tuan Haji Ehwan bin Saring.</p> <p>Projek telah masuk bulan ke-10 bermula dari bulan Januari sehingga November 2018 dan sehingga hari ini kemajuan kerja di tapak adalah 4.55 peratus berbanding 15.73 peratus seperti dalam perancangan asal. Oleh itu pihak konsultan menjangkakan projek ini tidak dapat disiapkan dalam tempoh masa 24 bulan seperti dalam perjanjian.</p> <p>Sebanyak 6 'pile cap' di Zon B telah disiapkan oleh kontraktor. Kontraktor tidak membuat kerja mengikut amalan kejuruteraan yang baik susulan terdapat beberapa batang cerucuk yang patah akibat beban mesin cerucuk yang berada di atas tapak dan struktur tanah yang lembut di Zon A. Oleh itu, proses baik pulih akan dilakukan di zon tersebut.</p>	Makluman
	3.2	<p><u>Ulasan Ahli Mesyuarat</u></p> <p>i. Encik Rosdi berpendapat syarikat pembekal batang cerucuk tidak berkebolehan dalam membekalkan cerucuk yang berkualiti dan mempersoalkan sama ada kontraktor benar-benar melaksanakan kerja-kerja di tapak.</p> <p><i>Terdapat 'full time resident engineer' di tapak yang berpengalaman luas dan mengawasi kerja-kerja di tapak. Hal ini kemungkinan</i></p>	Makluman

		<p>disebabkan tiada keseimbangan bekerja diantara kontraktor cerucuk dengan kontraktor utama pada peringkat awal projek menyebabkan perkara ini berlaku. Kontraktor membeli batang cerucuk secara terus daripada syarikat yang menghasilkan batang cerucuk.</p> <p>ii. Cik Ang Lee Yong ingin tahu sama ada pihak Majlis maklum mengenai sebarang masalah yang timbul di tapak.</p> <p><i>Pihak Majlis maklum mengenai perkara ini memandangkan Mesyuarat Teknikal Pembinaan Bangunan Baharu MDKL diadakan pada setiap dua minggu turut melibatkan Jabatan Kejuruteraan dan Jabatan Kawalan Bangunan.</i></p> <p>iii. Encik E. Munusamy ingin tahu kelewatan bayaran kepada kontraktor.</p> <p><i>Konsultan akan mengeluarkan sijil bayaran berdasarkan kemajuan kerja di tapak oleh pihak kontraktor.</i></p> <p>iv. Encik Wong Kim Loon ingin tahu sama ada terdapat sebarang penalti tercatat di dalam perjanjian sekiranya projek lewat disiapkan.</p> <p><i>Tuan Pengerusi memaklumkan Unit Perundangan dan Jabatan Kejuruteraan akan membuat semakan serta menyatakan tanggungjawab konsultan adalah berat kerana perlu memantau dan memberi nasihat kepada kontraktor di tapak.</i></p>	
4.0	<u>PENGESAHAN MINIT MESYUARAT YANG LALU</u>		
	MINIT MESYUARAT MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT BILANGAN 9 TAHUN 2018 PADA 29 OKTOBER 2018		
	Minit mesyuarat ini telah diterima untuk disahkan oleh Encik Wong Kim Loon dan disokong oleh Encik Rosdi bin Meor Endut tanpa sebarang pindaan.		Makluman
5.0	<u>PERKARA-PERKARA BERBANGKIT</u>		
	- TIADA -		

6.0	<u>MENIMBANG, MENERIMA DAN MELULUSKAN PERAKUAN-PERAKUAN JAWATANKUASA-JAWATANKUASA MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT YANG TERCATIT DALAM MINIT-MINIT MESYUARAT BERIKUT :</u>		
	6.1	MESYUARAT JAWATANKUASA PENGINDAHAN BANDAR BILANGAN 7 TAHUN 2018 PADA 7 NOVEMBER 2018	
	Minit mesyuarat ini telah diambil maklum dengan membincangkan perkara-perkara berikut :		
	i.	<p><u>Perkara 3.6</u></p> <p>Cik Ang Lee Yong ingin tahu prestasi kerja kontraktor di zon beliau.</p> <p><i>Pengarah JPSPKP memaklumkan kontraktor di Zon 3, 9, 15 dan 16 memang bermasalah dan KDEB telah menghantar kontraktor 'back up' untuk membuat kerja di zon-zon tersebut. Selain itu, pihak KDEB diminta menggandakan jumlah tenaga kerja di setiap zon tersebut. Oleh itu, kontraktor 'back up' dan satu kontraktor untuk membuat kerja-kerja semasa telah dilantik oleh KDEB. Kesan daripada penubuhan dua kumpulan ini mencatatkan penurunan pada jumlah NTP iaitu 49 NTP pada bulan September berbanding 90 NTP pada bulan Ogos. Manakala bulan Oktober mencatatkan 25 NTP sahaja.</i></p> <p><i>Walau bagaimanapun, pihak Jabatan perlu melihat semula kerja-kerja pada bulan November ini kerana kontraktor yang digantung kerja selama beberapa bulan ini akan kembali membuat kerja di zon-zon ini.</i></p> <p><i>Tuan Pengerusi memaklumkan pihak Majlis telah menghantar surat cadangan menamatkan perkhidmatan kontraktor-kontraktor tersebut kepada KDEB sebelum ini. Oleh itu, pihak Majlis akan mendapatkan penjelasan sama ada kontraktor ini akan ditamatkan perkhidmatan dan alasan KDEB membenarkan kontraktor yang telah digantung kerja untuk masuk semula membuat kerja-kerja pembersihan.</i></p> <p><i>Cik Ang Lee Yong mencadangkan Encik Ramli bin Mohd Tahir dijemput hadir untuk memberikan penerangan tentang perkara ini. Ini adalah kerana pertemuan di pejabat KDEB sebelum ini menyatakan MDKL hanya perlu menghantar satu surat cadangan untuk</i></p>	JPSPKP

		<p>menamatkan kontraktor, maka KDEB akan mengambil tindakan penamatan tersebut.</p> <p>Encik Baharudin menyatakan isu KDEB ini telah lama dibincangkan tetapi tiada tindakan yang benar-benar berkesan dalam menangani isu ini. Oleh itu, beliau mencadangkan KDEB memberikan penjelasan bertulis kepada pihak Majlis.</p>	
	6.2	MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN PENGANGKUTAN AWAM BILANGAN 7 TAHUN 2018 PADA 7 NOVEMBER 2018	
		Minit mesyuarat ini telah diambil maklum.	
	i.	<p><u>Perkara 5.3.2</u></p> <p>Encik Gan Yee Chin membangkitkan mengenai 'pocket development' dimana JPS sering memberikan ulasan tiada halangan dan menyokong. Namun apabila pembangunan telah siap dan timbul masalah pada sistem perparitan, pihak JPS tidak mengambil tindakan yang sepatutnya untuk menyelesaikan masalah tersebut. Ini telah berlaku di Taman Merpati Putih, Olak Lempit.</p> <p>Tuan Pengerusi memaklumkan isu yang melibatkan 'pocket development' adalah tanah bersebelahan yang tidak terlibat dengan pembangunan tidak diserahkan untuk rizab longkang dan hanya mengharapkan longkang dan parit sedia ada sahaja. Apabila ada pembangunan, maka disyaratkan untuk membina longkang. Oleh sebab itu, ulasan dari JPS hanya memerlukan longkang dalam kawasan pembangunan sahaja dan tidak disyaratkan pada tanah yang bersebelahan. Projek perintis di Jalan Perepat akan melibatkan tanah bersebelahan yang tidak terlibat dengan pembangunan juga patut diserahkan untuk pembinaan longkang dan pembinaan longkang juga perlu dipertanggungjawabkan kepada jabatan yang berkenaan seperti JKR dan JPS. Pada masa ini, penyerahan tanah untuk rizab longkang tidak akan dibuat selagi mana ia tidak terlibat dengan pembangunan. Terdapat tuan tanah bersebelahan yang mengadu air dari taman perumahan mengalir masuk dan menenggelamkan tanah mereka. Pihak Majlis akan meminta Pejabat Tanah Daerah untuk mensyaratkan tuan tanah bersebelahan membuat penyerahan tanah untuk rizab longkang sebanyak 5 kaki atau 10 kaki dan membuat sumbangan untuk Tabung Parit. Pihak Majlis tidak boleh menghalang</p>	Makluman

SULIT

		<p><i>permohonan pembangunan 'pocket development' kerana zoning telah bertukar dari pertanian kepada perumahan.</i></p> <p><i>Pengarah JK memaklumkan pihak JPS telah menyerahkan draf perancangan projek perintis di Jalan Perepat yang melibatkan kos sebanyak RM 10 juta melibatkan pengambilan tanah dan pembinaan longkang. Namun perkara ini masih dalam peringkat perbincangan. Dalam Program Retreat Jawatankuasa Tetap Infrastruktur baru-baru ini, beliau telah membangkitkan mengenai perkara ini dan mesyuarat memutuskan semua PBT Negeri Selangor diminta menyenaraikan inventori parit masing-masing untuk penyelarasan semula. Isu utama adalah tiada rizab parit di Negeri Selangor pada masa ini.</i></p> <p><i>Encik Mat Irwan meminta Pengarah JK menyemak status cadangan menaiktaraf sistem saliran di daerah Kuala Langat seperti yang dimaklumkan oleh Y.B. Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli ketika melawat kawasan banjir di Telok Panglima Garang sebelum ini.</i></p>	
	ii.	<p>Puan Nor Aishah mencadangkan nama taman perumahan seperti Taman Kenanga yang terletak berjauhan antara satu sama lain dapat dibezakan dengan meletakkan nombor seperti Taman Kenanga 1, Taman Kenanga 2 dan seterusnya. Pada masa ini Taman Kenanga tersebut hanya dibezakan melalui nama jalan sahaja. Selain itu, taman perumahan ini juga mempunyai masalah perparitan.</p>	JPP
	iii.	<p><u>Perkara 5.7.2</u></p> <p>Encik Mat Irwan meminta laporan kerja-kerja MARRIS dibentangkan dalam mesyuarat jawatankuasa ini.</p>	JK
	6.3	<p>MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN BILANGAN 7 TAHUN 2018 PADA 8 NOVEMBER 2018</p>	
		<p>Minit mesyuarat ini telah diambil maklum dengan membincangkan perkara-perkara berikut :</p>	
	i.	<p><u>Perkara 4.5</u></p> <p>Encik Gan Yee Chin ingin tahu sama ada cagaran pelan sebanyak RM 500.00 termasuk bayaran perkhidmatan ro-ro. Beliau juga memaklumkan terdapat panel syarikat pembekal tong ro-ro yang tidak dapat membekalkan tong ro-ro walau pun pembayaran telah dibuat.</p>	Makluman

SULIT

		<p><i>Pengarah JKB memaklumkan cagaran pelan tidak termasuk bayaran perkhidmatan roro. Terdapat panel syarikat pembekal tong roro yang tidak mempunyai bilangan tong roro yang mencukupi. Oleh itu, pemilik rumah dinasihatkan untuk datang ke JKB bagi urusan bekalan tong roro dengan panel syarikat lain yang mempunyai bekalan tong mencukupi. Sehingga kini terdapat 7 panel syarikat pembekal tong roro yang berdaftar dengan pihak Majlis.</i></p>	
	ii.	<p>Encik Baharudin ingin tahu jumlah wang cagaran yang tidak dituntut.</p> <p><i>Pengarah JP memaklumkan jumlah wang cagaran adalah sebanyak RM 33 juta melibatkan akaun-akaun yang masih aktif. Bagi akaun yang tidak aktif dalam satu tempoh masa, pihak Majlis akan menghantar wang tersebut kepada Kumpulan Wang Tidak Dituntut yang dianggarkan berjumlah RM 300,000.00 setahun.</i></p> <p><i>Tuan Pengerusi memaklumkan wang cagaran hanya boleh dirampas apabila berlakunya pelanggaran syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak Majlis.</i></p>	Makluman
	iii.	<p>Encik Baharudin ingin tahu sama ada peruntukan PeBT yang belum digunakan boleh dibahagikan kepada Ahli Majlis untuk melaksanakan program atau ia boleh dibawa ke tahun hadapan.</p> <p><i>Tuan Pengerusi memaklumkan pelantikan Pengerusi PeBT oleh Kerajaan Negeri Selangor dijangkakan pada awal bulan Disember ini. Namun pihak Majlis menjangkakan kemungkinan terdapat Pengerusi PeBT yang bercadang untuk membuat program sebelum berakhirnya tahun 2018.</i></p>	Makluman
	iv.	<p><u>Perkara 5.1.1</u></p> <p>Encik Mat Irwan berharap status pembinaan Dewan Orang Ramai Bandar Saujana Putra dan Dewan Orang Ramai Banting Baru dapat dilaporkan dalam mesyuarat jawatankuasa ini.</p>	JK

SULIT

6.4	MESYUARAT JAWATANKUASA PERKHIDMATAN DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT BILANGAN 7 TAHUN 2018 PADA 8 NOVEMBER 2018	
	Minit mesyuarat ini telah diambil maklum dengan membincangkan perkara-perkara berikut :	
i.	<p>Encik Gan Yee Chin memaklumkan beliau ada membangkitkan mengenai rumah kediaman yang dijadikan stor simpanan barang kitar semula di Jalan Permata 4, Taman Yayasan. Beliau mendapati pemilik rumah telah mengulangi aktiviti tersebut walau pun pihak Majlis telah mengambil tindakan.</p> <p><i>Pengarah JPSPKP memaklumkan satu operasi bersama Jabatan Penguatkuasaan telah diadakan untuk membawa keluar semua barang kitar semula tersebut.</i></p> <p><i>Tuan Pengerusi meminta JPK melihat semula rumah tersebut.</i></p>	JPK/JPSPKP
ii.	Encik Wong Kim Loon memaklumkan sebelum ini minit Mesyuarat MDKL pernah dimasukkan dalam laman web MDKL untuk makluman orang awam. Terdapat Majlis Perbandaran dan Majlis Bandaraya yang mengadakan siaran langsung Mesyuarat Majlis masing-masing. Beliau mencadangkan adalah memadai untuk MDKL memaparkan minit mesyuarat sahaja.	BTM
6.5	MESYUARAT JAWATANKUASA KEMASYARAKATAN BILANGAN 6 TAHUN 2018 PADA 12 NOVEMBER 2018	
	Minit mesyuarat ini telah diambil maklum dengan membincangkan perkara-perkara berikut :	
i.	Encik Mat Irwan mencadangkan Pegawai Belia dan Sukan Daerah Kuala Langat dijemput hadir ke mesyuarat ini bagi membincangkan perkara-perkara berkaitan sukan dan belia. Ini adalah kerana terdapat pelbagai perancangan program belia dan sukan di peringkat kebangsaan yang akan dilaksanakan di peringkat daerah.	JPM

6.6	MESYUARAT JAWATANKUASA PEMBANGUNAN MAMPAN BILANGAN 6 TAHUN 2018 PADA 12 NOVEMBER 2018	
	Minit mesyuarat ini telah diambil maklum.	
6.7	MESYUARAT JAWATANKUASA KAWALAN PERNIAGAAN DAN KESIHATAN BILANGAN 7 TAHUN 2018 PADA 12 NOVEMBER 2018	
	Minit mesyuarat ini telah diambil maklum dengan membincangkan perkara-perkara berikut :	
i.	<p><u>Perkara 4.5.4</u></p> <p>Cik Ang Lee Yong menyatakan permohonan rayuan ini pernah ditolak oleh mesyuarat jawatankuasa ini dan Mesyuarat MDKL Bilangan 6 Tahun 2018 telah bersetuju menolak rayuan ini dan sebarang permohonan rayuan oleh pemohon tidak akan dipertimbangkan. Dalam mesyuarat jawatankuasa ini, beliau telah meminta Jabatan Pelesenan untuk menerangkan sekiranya terdapat sebarang garis panduan daripada Kerajaan Negeri Selangor mengenai Lesen Pusat Kecantikan dan Penjagaan Kesihatan yang menyatakan jarak pusat refleksologi perlu berada dalam lingkungan 500 meter daripada rumah kediaman/rumah ibadat.</p> <p><i>Tuan Pengerusi menerangkan bahawa terdapat beberapa pertikaian yang timbul seperti pelaksanaan mengikut peraturan yang lama dimana tiada pengasingan antara pusat refleksologi denganurut kaki danurut badan. Pada ketika ini peraturan untukurut kaki tidak boleh mempunyai tirai penghadang. Sehingga hari ini, premis ini masih menjalankan perniagaan tanpa lesen dan tiada aduan daripada orang ramai berkaitan sebarang aktiviti tidak sihat berlaku di premis tersebut. Surat yang diberikan oleh pihak Polis menyatakan sokongan terhadap permohonan ini kerana tiada sebarang aktiviti tidak sihat berlaku di situ. Pihak Polis sentiasa memantau dari segi permohonan lesen refleksologi,urut badan dan spa kesihatan.</i></p> <p><i>Beliau memaklumkan pemohon mempunyai hak untuk membuat rayuan dan Mesyuarat MDKL boleh meluluskan walaupun ia pernah ditolak dalam Mesyuarat MDKL</i></p>	

	<p>sebelum ini. Beberapa orang Ahli Majlis meminta kertas mesyuarat ini ditangguhkan dan dibawa ke Mesyuarat MDKL untuk dibincangkan semula. Setiap kertas mesyuarat jawatankuasa terlibat perlu diputuskan terlebih dahulu dan ia akan disahkan dalam Mesyuarat MDKL selaras dengan fungsi Mesyuarat MDKL untuk mengesahkan keputusan-keputusan Mesyuarat Jawatankuasa. Mesyuarat bersetuju meluluskan dengan syarat-syarat yang ditetapkan yang perlu dipatuhi oleh pemohon. Pihak Majlis tidak akan meluluskan lesen penuh sehingga pemohon mematuhi syarat-syarat ditetapkan dan sekiranya gagal mematuhi, maka tindakan merampas cagaran dan tindakan penguatkuasaan akan dilakukan.</p> <p>Cik Ang Lee Yong menyatakan beberapa orang Ahli Majlis sebelum ini pernah memasuki premis tersebut bagi melihat keadaan sebenar dan mendapati ada syarat-syarat yang tidak dipatuhi oleh pemohon. Sebelum ini pihak Majlis juga ada mengeluarkan kenyataan akhbar bahawa permohonan lesen premis refleksologi dibekukan dan memohon penjelasan serta hebahan dapat dilakukan sekiranya terdapat perubahan.</p> <p>Tuan Pengerusi menyatakan kenyataan akhbar itu memaklumkan permohonan baharu untuk lesen refleksologi dibekukan tetapi pembaharuan lesen premis tersebut adalah dibenarkan sekiranya ia tidak melanggar syarat-syarat lesen. Pihak Majlis bertanggungjawab terhadap keputusan yang dibuat dan tidak pernah lepas tangan terhadap sesuatu perkara.</p> <p>Encik Baharudin berpendapat memandangkan ia merupakan pembaharuan lesen, maka kelulusan bersyarat ini perlu dipenuhi oleh pemohon. Jika pemohon gagal berbuat demikian, maka tindakan penguatkuasaan akan diambil.</p>	
ii.	<p><u>Perkara 1.1</u></p> <p>Encik Ang Eu Liang menyatakan sebahagian pasaraya besar mempunyai tabung bagi kutipan RM 0.20 bagi setiap penggunaan plastik yang dikenakan kepada pelanggan. Beliau mencadangkan pihak pasaraya dan MDKL membuat program tanggungjawab sosial menggunakan kutipan tersebut.</p> <p>Tuan Pengerusi memaklumkan beberapa pasaraya telah menerima anugerah pengiktirafan Kempen #bebasplastik daripada Kerajaan Negeri iaitu Pasaraya Segi Telok</p>	Makluman

		<i>Panglima Garang, Pusat Pakaian Hari-Hari, Pasaraya Karnival Kim Wah, Restoran Burger King dan Pasaraya Giant Banting.</i>	
	iii.	<p><u>Perkara 1.2</u></p> <p>Encik Ang Eu Liang ingin tahu sama ada KDEB mempunyai kemampuan untuk mengutip dan melupuskan sisa pepejal dari kilang-kilang.</p> <p><i>Pengarah JPL memaklumkan pihak Majlis telah meminta pekilang-pekilang ini mengemukakan resit bagi membuktikan pelupusan sisa pepejal masing-masing.</i></p> <p><i>Tuan Pengerusi meminta pekilang-pekilang ini mendapatkan perkhidmatan kontraktor pembersihan yang sah untuk mengelakkan pembuangan sampah di lokasi yang tidak sepatutnya. Sekiranya kontraktor tersebut tidak berdaftar, maka pihak Majlis akan menasihatkan pekilang untuk mendapatkan perkhidmatan KDEB.</i></p>	Makluman
	iv.	<p><u>Perkara 5.5.2</u></p> <p>Encik Ang Eu Liang ingin tahu kadar fi lesen bagi kilang haram yang berada di zon industri dan di zon pertanian. Selain itu, beliau memaklumkan terdapat kilang plastik tanpa izin yang telah membersihkan sisa plastik dan menjelaskan kompaun tetapi tidak dapat menyambung semula bekalan air dan elektrik yang telah dipotong.</p> <p><i>Pengarah JPP memaklumkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kilang Haram bertarikh 5 Januari 2018 seperti berikut :</i></p> <ol style="list-style-type: none"> <i>1. Kilang di dalam zon industri dan syarat nyata industri tetapi bangunan masih tiada Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan – kadar lesen perniagaan sementara 3 kali ganda daripada lesen perniagaan sedia ada.</i> <i>2. Kilang di dalam zon industri dan syarat nyata pertanian – kadar lesen perniagaan sementara 5 kali ganda daripada lesen perniagaan sedia ada.</i> <i>3. Kilang di luar zon industri dan syarat nyata pertanian – akan dibincangkan dalam satu bengkel yang akan dilaksanakan kelak.</i> <p><i>Beliau menyatakan pihak Majlis perlu melihat pematuhan terhadap permohonan Kebenaran Merancang, Pelan Bangunan dan sebagainya. Sekiranya pihak Majlis masih memberikan peluang seperti sebelum ini, maka perkara ini tidak akan selesai.</i></p>	Makluman

	v.	<p><u>Perkara 5.1.1</u></p> <p>Encik S. Nadasan ingin tahu kadar sewa petak khas pada masa ini.</p> <p><i>Pengarah JPK memaklumkan kadar sewa petak khas adalah RM 100.00 sebulan bagi satu petak.</i></p>	Makluman
7.0	<p><u>MEMAKLUMKAN PERAKUAN-PERAKUAN JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT YANG TERCATIT DALAM MINIT-MINIT MESYUARAT BERIKUT:</u></p>		
	7.1	<p>MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT BILANGAN 19 TAHUN 2018 PADA 12 OKTOBER 2018</p>	
		Minit mesyuarat ini telah diambil maklum.	Makluman
	7.2	<p>MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT BILANGAN 20 TAHUN 2018 PADA 26 OKTOBER 2018</p>	
		Minit mesyuarat ini telah diambil maklum.	Makluman
8.0	<p><u>PERKARA-PERKARA YANG DIBINCANGKAN</u></p>		
	8.1	<p><u>KERTAS MESYUARAT NO. 1</u></p> <p>KERTAS CADANGAN PEMBANGUNAN SISTEM ADUAN (COMPLAINT SYSTEM MODULE)</p> <p>Kertas mesyuarat ini telah dibentangkan untuk pertimbangan dan kelulusan semua ahli mesyuarat.</p> <p><i>Justifikasi permohonan</i></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pada masa ini Unit Korporat dan Perhubungan Awam menggunakan Sistem Aduan SISPAA (Sistem Pengurusan Aduan Awam) yang diselaraskan oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk memantau dan mengurus aduan. 2. Namun sistem tersebut didapati mempunyai permasalahan dari segi penyelarasan aduan ke jabatan dan penjanaan laporan. Perkara ini menjejaskan kelancaran untuk memantau aduan dengan lebih efektif. 3. Faedah-faedah penggunaan Sistem Aduan (<i>Smart Complaint</i>) adalah : 	BTM

	<ul style="list-style-type: none"> i. Sistem ini telah sedia ada dibangunkan berasaskan 'mobile web'. ii. Pelaporan aduan yang lebih efektif disebabkan penggunaan GPS. iii. Sistem ini boleh diubahsuai mengikut cara kerja pengguna. iv. Laporan aduan sedia ada boleh diubahsuai mengikut kehendak pengguna. v. Sistem ini ditempatkan di BTM MDKL untuk memudahkan pemantauan sistem ini. <p><u>Implikasi kos</u></p> <ul style="list-style-type: none"> 1. Butiran vot dan kos bagi cadangan perolehan sistem ini adalah seperti berikut : <ul style="list-style-type: none"> No. Vot : 01-A35203 Baki : RM 74,458.00 (sehingga 13 November 2018) Kos : RM 19,800.00 2. Kos ini menggunakan peruntukan tahunan sedia ada dan kaedah perolehan dilakukan secara pengeluaran Pesanan Tempatan (L.O). <p><u>KEPUTUSAN MESYUARAT</u></p> <p>Mesyuarat bersetuju meluluskan kertas mesyuarat ini.</p>	
9.0	UCAPAN PENANGGUHAN	
	Ucapan penangguhan telah disampaikan oleh Encik Wong Kim Loon.	
	<ul style="list-style-type: none"> i. Beliau mengucapkan selamat sejahtera kepada Tuan Yang Dipertua, Timbalan Yang Dipertua, YDM Orang Besar Daerah Kuala Langat, Ahli-Ahli Majlis, Pengarah-pengarah Jabatan, Ketua Unit dan Ketua Bahagian. <p>Beliau merakamkan ucapan terima kasih kerana diberi peluang untuk menyampaikan ucapan penangguhan pada hari ini. Terlebih dahulu beliau memohon maaf sekiranya terdapat sebarang kesilapan dan kekhilafan dalam ucapan beliau ini.</p>	Makluman

SULIT

	ii.	Majlis Daerah Kuala Langat mempunyai banyak mesyuarat pada setiap bulan. Beliau mendapati mesyuarat ini lewat dimulakan menyebabkan timbul rasa tidak selesa dikalangan ahli mesyuarat lain. Walau pun kelewatan mungkin timbul disebabkan perkara-perkara tertentu, namun ia masih merupakan satu pembaziran masa. Beliau berharap mesyuarat yang akan datang dapat dimulakan tepat pada masa yang ditetapkan dan ahli mesyuarat yang dijemput dapat hadir lebih awal. Oleh itu, semua ahli mesyuarat akan dapat beramah mesra dan merapatkan perhubungan.	Makluman
	iii.	Kewajipan membayar sewa petak khas bagi pemegang lesen yang menjalankan perniagaan seperti kedai aksesori, kedai membaiki kereta dan yang berkenaan menimbulkan rasa tidak puas hati dikalangan mereka. Namun, beliau sebagai Ahli Majlis tiada halangan terhadap perkara ini sekiranya MDKL memberikan syarat kepada pemegang lesen tersebut diwajibkan membayar sewa petak khas dengan kadar yang munasabah. Beliau mencadangkan satu kertas kerja berkaitan perkara ini dibincangkan dalam mesyuarat jawatankuasa dan disahkan dalam Mesyuarat MDKL sebelum dilaksanakan.	Makluman
	iv.	Beliau mengucapkan tahniah kepada semua warga kerja MDKL diatas penganugerahan Penarafan 5 Bintang Standard Kualiti Perkhidmatan Psikologi Tahun 2018 dan Anugerah PBT Prihatin pada Sambutan Hari Orang Kurang Upaya Kebangsaan 2018 baru-baru ini. Begitu juga dengan penganugerahan Bandar Mampan dan Anugerah Inisiatif Kejiranan Hijau sempena Hari Perancang Bandar Sedunia 2018.	Makluman
	v.	Akhir kata, beliau mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang Dipertua, Timbalan Yang Dipertua, Pengarah-pengarah Jabatan dan Ahli-Ahli Majlis diatas kerjasama yang diberikan sepanjang masa ini.	Makluman
9.0		<u>UCAPAN PENUTUP OLEH TUAN Pengerusi</u>	
		Tuan Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua ahli mesyuarat.	Makluman

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.45 pagi.

SULIT

**MINIT MESYUARAT MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT
BILANGAN 10 TAHUN 2018**

Disediakan oleh :

Urus setia Mesyuarat,
Bahagian Pentadbiran,
Jabatan Khidmat Pengurusan
Majlis Daerah Kuala Langat
Tarikh : 28 November 2018

Disemak oleh :



.....
(MOHD YASIN BIN ALWI, A.I.S.)
Setiausaha,
Majlis Daerah Kuala Langat

Disahkan oleh :



.....
(MOHAMAD ZAIN BIN A HAMID, S.I.S., P.P.T)
Yang Dipertua,
Majlis Daerah Kuala Langat

Minit mesyuarat ini dicadangkan untuk disahkan oleh
dan disokong oleh

ISSUWAD/mesyuarat mdk/10/2018

SULIT

PETUNJUK :

1. JKP - JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN
2. JP - JABATAN PERBENDAHARAAN
3. JPPH - JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA
4. JPL - JABATAN PELESENAN
5. JPP - JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN
6. JK - JABATAN KEJURUTERAAN
7. JKB - JABATAN KAWALAN BANGUNAN
8. JL - JABATAN LANDSKAP
9. JPM - JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT
10. JPK - JABATAN PENGUATKUASAAN
11. JPSPKP - JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN KESIHATAN PERSEKITARAN
12. BTM - BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
13. UU - UNIT PERUNDANGAN
14. UAD - UNIT AUDIT DALAM
15. OSC - UNIT PUSAT SETEMPAT
16. PRO - UNIT KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM
17. UPUB - UNIT PEROLEHAN DAN UKUR BAHAN
18. COB - UNIT PESURUHJAYA BANGUNAN